

# Panduan Pengalaman Internet Mesra Keluarga



**DiGi Internet™**  
Internet Untuk Semua™

DiGi

Pastinya pilihan  
yang lebih bijak

Rakan:



**CyberSecurity**  
MALAYSIA  
An agency under MOSTI



Disahkan  
oleh:



## **Komitmen DiGi Terhadap Pengalaman Internet Mesra Sekeluarga**



Internet adalah merupakan medium unggul yang membolehkan seisi keluarga belajar, berkongsi maklumat dan berkomunikasi. Ia mudah diakses melalui komputer peribadi, konsol permainan dan juga peranti mudah alih.

Internet bukan sahaja perantara yang membawa begitu banyak kebaikan tetapi ia juga membawa risiko serta bahaya yang tertentu. Oleh itu, ianya perlu digunakan secara bertanggung-jawab bagi memastikan pengalaman menggunakan Internet yang selamat dan mesra pengguna (keluarga).

DiGi dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, CyberSecurity Malaysia dan juga Childline telah komited dalam mewujudkan kesedaran yang lebih meluas mengenai penggunaan Internet secara positif.

Risalah ini diadakan bagi menyediakan tips dan sumber yang bermanfaat untuk digunakan dan dikongsi bersama keluarga dan rakan-rakan.

***Lima perkara yang sering dilakukan oleh anak-anak ketika melayari Internet***

- 1. Permainan atas talian (permainan “multi player”)**
- 2. Facebook dan Twitter**
- 3. MSN/Yahoo Messenger/Gtalk**
- 4. Youtube (Muzik dan video atas talian)**
- 5. Google (carian atas talian & muat turun)**

# **Risiko Dan Bahaya Dunia Siber Yang Dihadapi Oleh Anak Anda**

## **Buli Siber**

Buli siber adalah suatu keadaan apabila seorang kanak-kanak diancam, diaibkan atau menjadi sasaran oleh kanak-kanak lain dengan menggunakan Internet, telefon mudah alih, atau lain-lain peralatan teknologi digital sebagai medium. Ini adalah termasuk menghantar mesej negatif dan pengecaman di halaman Facebook dengan menyebarkan gambar yang memalukan atau membuat video palsu.

## **Hendap Siber**

Hendap Siber adalah satu jenayah dimana penjenayah tersebut mengganggu mangsa menggunakan komunikasi elektronik, seperti e-mel atau mesej segera (IM), atau mesej yang dihantar ke laman web atau forum. Penghendap siber biasanya menyamar sebagai anonymous atau menjadi seseorang tanpa nama (identiti pengenalaman) untuk membolehkan mereka menghendap mangsa tanpa dapat dikesan.

## **Grooming Siber**

Grooming Siber adalah satu proses yang digunakan oleh pemangsa kanak-kanak untuk menyediakan sasaran yang berpotensi sebagai mangsa dengan cara berkawan dan mendapatkan kepercayaan kanak-kanak yang disasarkan supaya kanak-kanak tersebut tidak menyedari bahawa dia sedang dipergunakan/dieksplotasi di atas talian. Grooming Siber merujuk kepada penggunaan internet sebagai medium di mana ianya berlaku melalui perbualan, mesej segera, maupun Facebook.



## **Pornografi Kanak-Kanak**

Kanak-kanak juga boleh dipujuk untuk bergambar dalam keadaan yang menghairahkan dengan pemberian insentif seperti wang tunai, hadiah dan sebagainya. Ini menyebabkan situasi dimana, kanak-kanak tersebut tanpa sedar telah menjadi mangsa pornografi bawah umur.

## **Kecurian Identiti**

Kecurian identiti adalah apabila orang lain menggunakan maklumat peribadi anda dengan niat untuk melakukan penipuan atau jenayah. Maklumat ini biasanya diperolehi melalui sumber atas talian seperti laman rangkaian sosial dan laman permainan atas talian yang dikunjungi oleh anak-anak anda.

# Mewujudkan Persekitaran Penggunaan Komputer Yang Selamat

- 1** Letakkan atau tetapkan penggunaan komputer di tempat terbuka atau ruang berkumpul keluarga contohnya ruang tamu. Ini akan memudahkan ibu bapa untuk memantau penggunaan Internet anak mereka.
- 2** Pastikan perisian antivirus, pemantauan (parental filters), pop-up blockers dan tetapan privasi dipasang dan dikemaskini.
- 3** Letakkan penghalang atau penutup pada webcam apabila tidak digunakan kerana ianya boleh digodam dan dihidupkan oleh orang lain dengan niat tertentu yang bertujuan negatif tanpa disedari oleh pengguna komputer tersebut.



## *Tips untuk Kata Laluan yang Kukuh (sukar diteka)*

Katalaluan anda seharusnya mempunyai minima 8 aksara, menggunakan kombinasi huruf besar dan kecil, nombor, dan juga simbol. Atas alasan keselamatan, kata laluan perlu ditukar secara berkala.

## **Contoh : CyB3r5aFe@D1G1**

Uji Kekuatan Kata Laluan Anda di : <http://cybersafe.my/pswd-checker/index.html>

## **Memahami bahawa anak anda menganggap dunia siber sebagai alam realiti**

Sebagai ibubapa, kita seharusnya menyedari bahawa anak-anak zaman kini menganggap dunia siber sebagai alam realiti, di mana melalui dunia siber inilah mereka berkomunikasi dengan rakan, mencari maklumat dan bermain permainan siber. Situasi ini menyebabkan apa yang berlaku di alam siber boleh mempengaruhi emosi dan memberi kesan kepada anak anda dimana ianya boleh membuatkan anak anda berasa gembira, sedih, atau kecewa. Walaupun ianya berlaku di alam siber tetapi emosi yang melanda anak anda adalah nyata seperti yang dialami di alam realiti maka ibubapa haruslah berupaya untuk memahami dan menangani situasi ini seperti di alam realiti juga.



# **Menjadi Ibubapa Kepada Anak Yang Mahir Dalam Teknologi**

Mendidik perilaku anak dalam dunia siber adalah sama dengan mendidik mereka di alam realiti di mana mereka perlu bimbingan ibubapa dalam membuat keputusan yang betul dan tepat.

**1**

## **Berbincang melalui Perbualan**

Ketahui tabiat Internet anak anda melalui perbincangan yang bersahaja. Ibubapa juga perlu dilengkapi pengetahuan mengenai ancaman yang wujud di dalam Internet. Perbincangan awal akan dapat membantu anda memahami risiko yang anak anda mungkin hadapi disamping memberi bimbingan awal tentang penggunaan Internet yang lebih positif. Langkah ini juga akan dapat mengurangkan konflik di masa hadapan tentang penggunaan Internet oleh anak anda.

**2**

## **Menetapkan Perkara Asas**

Tetapkan perkara atau peraturan asas. Pastikan peraturan sentiasa dikemaskini selaras dengan teknologi baru.

**3**

## **Perbincangan Secara Terbuka**

Anda harus bersifat terbuka untuk berbincang mengenai isu-isu sulit atau sensitif seperti isu penderaan terhadap kanak-kanak secara online dan juga isu pornografi. Tetapkan pendirian anda apabila berhadapan dengan tingkah laku anak anda, pada masa yang sama masih bersifat terbuka terhadap sebarang pertanyaan oleh anak anda.

**4**

## **Pembelajaran adalah Proses Dua Hala**

Sebagai ibubapa, seringkali kita menyedari bahawa berkemungkinan anak kita lebih mengetahui dan mahir dalam teknologi terkini berbanding kita sendiri. Tindakan ibubapa mengajak anak berkongsi pengetahuan tentang teknologi terkini adalah satu tindakan positif di mana ianya boleh membina kepercayaan dan keyakinan terhadap satu sama lain.

**5**

## **Menjadi Penyokong Terkuat Mereka**

Adalah sangat penting untuk anak anda menyedari sokongan anda apabila diperlukan. Pastikan anda tenang, dengar dengan teliti dan seterusnya bantu mereka menyelesaikan masalah yang diajukan.

***Keep the lines of communications open about your family's online experiences***

## **Panduan Melayari Internet Yang Ideal Dan Mesra Pengguna (keluarga)**

Ajak anak anda berbincang mengenai panduan penggunaan Internet mesra keluarga ini

- Jadual masa yang dipersetujui untuk melayari Internet.
- Persetujuan mengenai etika ketika melayari Internet.
- Jangan sesekali mendedahkan maklumat peribadi di dalam talian (ketika melayari Internet)
- Berfikir dahulu sebelum memaparkan status atau memuat naik gambar dan sebagainya ke dalam laman sesawang
- Beringat sebelum kena. Sentiasa daftar keluar daripada semua akaun dalam talian anda terutamanya ketika menggunakan komputer awam, contohnya kafe siber dan di rumah kawan. Ini dapat mengelakkan akaun anda disalahgunakan oleh individu lain yang tidak bertanggungjawab.
- Jika anak anda ingin bertemu kenalan alam siber:-
  - Mereka seharusnya memberitahu anda
  - Mereka harus berjumpa di tempat awam
  - Mereka harus membawa salah seorang ahli keluarga atau rakan yang dipercayai
- Sentiasa memberi galakan kepada anak anda untuk memberitahu atau berkomunikasi dengan anda apabila terjadi sesuatu yang tidak disenangi atau terlihat perkara yang tidak difahami ketika melayari Internet.

Maklumat tambahan boleh didapati di:



Ready to Help merupakan talian bantuan 24 jam untuk kanak-kanak. Jika anak anda perlu bercakap dengan seseorang, hanya perlu memanggil talian **15999** atau layari [www.childlinemalaysia.org](http://www.childlinemalaysia.org)



*Cyber Security Awareness For Everyone* adalah program kesedaran di bawah CyberSecurity Malaysia dengan tujuan untuk menyebarkan kesedaran penggunaan internet dengan selamat. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cybersafe.my](http://www.cybersafe.my)

# Senarai Semak Khas Untuk Ibubapa

1

Adakah anda sedar / terlibat dengan aktiviti anak-anak anda dalam talian? Bolehkah anda namakan tiga laman web yang mereka lawati secara berkala?



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_

2

Adakah keluarga anda mempunyai set peraturan atau perjanjian yang sesuai bagi tatacara penggunaan Internet?

Yes       No

3

Adakah anda berbincang dengan anak anda tentang tingkah laku yang betul/bertanggungjawab semasa berada di dalam talian?

Yes       No

4

Namakan dua risiko atau bahaya semasa berada di dalam talian:



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_

5

Namakan dua tindakan proaktif yang boleh diambil untuk mengekalkan keselamatan anak anda semasa berada dalam talian:



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_

## Nota kepada ibubapa: Pertandingan Sekolah

Sila isi yang berikut dan kembalikan kepada pihak sekolah

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ibubapa / Penjaga : \_\_\_\_\_


Nama Anak : \_\_\_\_\_

Sekolah Anak : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_



# DiGi CyberSAFE Programme



# ELAKKAN PEMBULIAN DI INTERNET

Sentiasa bijak.  
Sentiasa selamat

Layari [www.CyberSAFE.my](http://www.CyberSAFE.my) untuk maklumat lebih lanjut

Rakan Bestari :



**CyberSecurity**  
MALAYSIA  
An agency under MOSTI



Dikuasakan Oleh :



Always the  
smarter choice

Beritahu ibubapa  
atau guru jika  
anda dibuli!